

# Beban Dan Tahap Pembuktian Dalam Sistem Pengadilan Islam

Prof. Dr. Mahmud Saedon Awang Othman

## Abstract

*The paper discusses the concept of burden of proof and the degree of proof required in the process of determining sentences from the Islamic perspective. Arguments are basically derived from Islamic Legal Maxims (Qawaaid Fiqhiyyah).*

## Beban Membuktikan

Pihak yang mendakwa hendaklah membuktikan kebenaran dakwaannya. Tanpa sokongan dan bukti sesuatu dakwaan tidak akan dilayan. Ini bermakna beban membuktikan adalah di atas pihak yang mendakwa. Rasulullah s.'a.w. pernah menegaskan bahawa:

*“Jika manusia dibenarkan setiap dakwaannya, tanpa bukti, maka sudah tentu manusia akan mendakwa darah dan harta orang lain, tetapi keterangan di atas yang mendakwa dan sumpah di atas yang didakwa.”<sup>1</sup>*

Hadith ini adalah hadith masyhur, ringkas dan padat. Ianya telah menggariskan asas yang penting, iaitu beban bukti di atas pihak yang mendakwa. Jika kita meneliti kitab-kitab fiqh ternyata hadith ini telah dijadikan salah satu kaedah fiqh yang masyhur, iaitu:

### البيئة على المدعى والبيان على من انكر

*"Keterangan di atas yang mendakwa dan sumpah di atas yang ingkar."*<sup>2</sup>

Menurut Islam, seseorang itu tidak bersalah sehingga dibuktikan yang ianya bersalah. Seseorang itu tidak melakukan jenayah sehingga dibuktikan yang ianya melakukannya. Seseorang itu tidak berhutang sehingga dibuktikan sebaliknya. Kaedah fiqh menegaskan:

### الأصل براءة الذمة

*"Pada asalnya seseorang itu bebas dari sebarang tanggungan."*

(*Majallah Ahkam*, Perkara: 8)

Kaedah ini menjelaskan bahawa pada asalnya seseorang itu adalah bebas dari sebarang tanggungan melainkan setelah dibuktikan sebaliknya. Beban membuktii adalah terletak di atas orang yang mendakwa. Jika orang yang mendakwa gagal membuktikan dakwaannya maka hendaklah dihukum berdasarkan kaedah ini, iaitu seseorang itu pada asalnya, sebagai satu anggapan, adalah bebas dari sebarang tanggungan, melainkan jika dapat dibuktikan sebaliknya. Kaedah ini amat penting di dalam Undang-Undang Keterangan Islam. Imam al-Sayuti dan Imam Ibn Nujim telah membincangkan kaedah ini dengan panjang lebar di dalam kitab mereka yang masing-masing berjodol *al-Ashbah Wa Al-Nazair*.

Kaedah tadi juga mempunyai persamaan dengan kaedah fiqh lain yang menegaskan:

### الأصل عدم

*"Asal sesuatu itu tidak ada"*<sup>3</sup>.

Maksud kaedah ini ialah, asal sesuatu itu tidak ada, atau tidak wujud jika tidak dibuktikan sebaliknya. Ini adalah merupakan satu anggapan yang boleh ditolak dengan cara dibuktikan sebaliknya.

Sebagai contoh, jika berlaku pertelingkahan di antara suami isteri yang baru berkahwin, salah seorang dari mereka mengatakan sudah berlaku persetubuhan sedangkan yang satu lagi mengatakan belum, berdasarkan kaedah ini dakwaan yang mengatakan belum berlaku persetubuhan diterima. Kerana pada asalnya tidak berlaku persetubuhan. Oleh itu beban membuktikan berlakunya persetubuhan terletak di atas yang mendakwa berlakunya persetubuhan tersebut.

Contoh seterusnya, jika seorang isteri mendakwa yang suaminya telah menceraikannya, sedangkan suaminya menafikan dakwaan tersebut, maka beban membuktii perceraian tersebut adalah di atas pihak yang mendakwa. Kerana pada

asalnya tidak berlaku perceraian melainkan dibuktikan sebaliknya.

Jika berlaku pertikaian di antara pengusaha dengan pemodal berhubung dengan keuntungan, misalnya pengusaha menyatakan keuntungan di dalam perniagaan ini adalah sekian sebanyak, pemodal pula menyatakan keuntungan adalah lebih dari apa yang dinyatakan oleh pengusaha tersebut, dalam keadaan ini dakwaan pengusaha adalah diterima. Kerana pada asalnya keuntungan itu tidak lebih.<sup>4</sup>

Kaedah ini boleh digunakan untuk menentukan siapakah yang menanggung beban pembuktian dan berat atau tahap pembuktian yang dikehendaki. Kaedah seterusnya ialah:

### الأصل في الصفات العارضة العدم

*“Pada asalnya sifat mendatang adalah tidak wujud”<sup>5</sup>*

Maksud kaedah ini ialah sifat yang mendatang atau baharu bagi sesuatu perkara itu pada asalnya tidak wujud, melainkan setelah dibuktikan kewujudannya. Ini adalah satu anggapan yang boleh diketepikan jika berjaya dibuktikan sebaliknya.

Sebagai contoh, dalam perusahaan mudarabah, jika berlaku pertikaian di antara pemodal dengan pengusaha dari segi keuntungan, pengusaha mengatakan tidak ada keuntungan, sedangkan pemodal mengatakan ada keuntungan, dalam keadaan ini, dakwaan pengusaha adalah diterima kerana pada asalnya sifat yang mendatang, iaitu “untung” tidak wujud. Pemodal yang mendakwa adanya keuntungan hendaklah membuktikan dakwaannya tersebut.<sup>6</sup>

Ini bermakna, jika pemodal mendakwa bahawa mudarabah tersebut tidak rugi, walaupun tidak untung, sedangkan pengusaha mendakwa berlaku kerugian, dalam keadaan ini, pengusaha hendaklah membuktikan dakwaan rugi tersebut, kerana ianya merupakan sifat mendatang, dan pada asalnya *mudarabah* tersebut adalah tidak rugi. Beban membuktikan kerugian adalah ditanggung oleh pengusaha.

Contoh seterusnya, jika seseorang memakan makanan orang lain atas dakwaan yang ianya telah diberi izin untuk memakannya, sedangkan tuan pemilik makanan tersebut menafikan yang ianya mengizinkannya, dalam keadaan ini dakwaan pemilik makanan tersebut diterima kerana pada asalnya tidak ada keizinan.<sup>7</sup>

Kaedah ini boleh digunakan juga untuk menentukan siapakah yang menanggung beban pembuktian dan berat atau tahap pembuktian yang diperlukan.

Kaedah seterusnya ialah:

### الأصل بما كان على ما كان

*“Pada asalnya sesuatu itu berkekalan kedudukannya seperti di masa lalu.”<sup>8</sup>*

Kaedah ini menjelaskan bahawa sesuatu yang telah sabit wujudnya di masa lalu ia disifatkan berterusan di masa akan datang kerana asal sesuatu itu adalah berterusan dan berkekalan dari masa lalu hingga dibuktikan yang ianya tidak lagi

berkekalan atau berterusan wujudnya. Anggapan ini adalah anggapan yang boleh ditolak dengan cara membuktikan sebaliknya.

Sebagai contoh, jika seseorang suami telah meninggalkan isterinya, dan mereka telah tidak lagi hidup bersama, adakah keadaan demikian ini telah mengesahkan perceraian dan mereka tidak lagi dikira sebagai suami isteri? Berdasarkan kaedah ini, pada asalnya sesuatu itu berkekalan atau berterusan keadaan atau kedudukannya seperti di masa lalu, maka perkahwinan mereka masih wujud dan perempuan itu masih merupakan isterinya sehingga dibuktikan sebaliknya.

Kaedah seterusnya ialah:

### ما ثبت بزمان يحكم يقائه مالم يتو جد دليل على خلافه

*Sesuatu yang telah sabit wujudnya di suatu masa yang telah lalu dihukumkan sebagai berkekalan wujudnya itu sehingga dibuktikan sebaliknya.”*

Kaedah ini menunjukkan bahawa sesuatu yang telah terbukti wujudnya pada suatu ketika adalah dihukumkan sebagai kewujudannya di masa yang lalu itu berkekalan dan berterusan sehingga dibuktikan yang ianya telah tidak wujud. Ini adalah merupakan satu anggapan yang boleh dipatahkan dengan cara membuktikan sebaliknya. Kaedah ini memberi makna yang sama dengan kaedah terdahulu. Walaupun demikian kaedah terdahulu lebih tepat untuk dirujukkan kepada “keadaan sesuatu yang telah ujud”, sedangkan kaedah ini dirujukkan kepada perkara “benda yang pernah ujud” di masa lalu.

Sebagai contoh, apabila telah sabit pada suatu masa bagi seseorang memiliki sesuatu harta (seperti rumah) hendaklah dihukumkan pemilikannya terhadap harta tersebut berterusan dan berkekalan. Ini bermakna rumah tersebut dihukumkan berkekalan menjadi miliknya, selagi tidak ada bukti yang menunjukkan sebaliknya. Jadi, hendaklah dibuktikan perpindahan milik rumah tersebut telah berlaku.<sup>9</sup>

Kaedah ini dapat memberikan panduan bahawa beban membuktikan atas yang mendakwa. Jika telah sabit pada suatu masa yang sesuatu harta itu telah dimiliki oleh seseorang, anggapan terhadapnya ialah pemilikan tersebut adalah berterusan sehingga dibuktikan sebaliknya.

Kaedah seterusnya ialah:

### البينة لاثبات خلاف الظاهر واليمين لا يقا الأصل

*“Keterangan bertujuan mensabitkan sesuatu yang bertentangan dengan yang zahir (jelas) dan sumpah pula untuk mengekalkan yang asal.”*

*Majallah Ahkam, Perkara: 77*

Kaedah ini menjelaskan bahawa sesiapa yang membuat dakwaan berhubung dengan sesuatu perkara yang bertentangan dengan keadaan zahir maka hendaklah ianya membuktikan kebenaran dakwaan atau tuntutannya itu. Ini adalah merupakan kaedah umum di dalam semua keadaan, iaitu zahir sesuatu itu adalah sebagai satu anggapan yang kuat sebagai asas untuk diterima. Oleh yang demikian jika ada yang mendakwa sebaliknya maka ianya hendaklah disokong dengan bukti yang kuat. Walaupun demikian anggapan ini boleh dipatahkan dan dibuktikan sebaliknya. Bagi pihak yang kena tuntut atau dakwa memadailah baginya sumpah. Perlu diingat sumpah ini tidak boleh dijadikan pembuktian di dalam kes-kes hudud dan qisas melainkan di dalam *al-qasamah*. Kaedah ini dengan jelas menghendaki bahawa beban membuktikan adalah dikenakan ke atas pihak yang mendakwa atau menuntut.

Sebagai contoh, seorang perempuan yang pada zahirnya masih merupakan isteri, jika ia mendakwa yang ianya tidak lagi menjadi isteri, maka hendaklah ianya membuktikan kebenaran dakwaannya itu. Jika ia gagal sumpah adalah memadai bagi suaminya untuk menafikan dakwaan isterinya itu. Ini berdasarkan kaedah, keterangan bertujuan untuk mensabitkan sesuatu yang bertentangan dengan keadaan zahir dan sumpah pula untuk mengekalkan yang asal.

“Rang Undang-Undang Akta Keterangan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan” 1989 telah memperuntukkan di dalam Bab 6, Beban Membuktikan dari seksyen 72 hingga seksyen 82.

- S.72 Di dalam kes Mal beban memberi keterangan terletak ke atas pihak yang mendakwa (*al-Mudda'i*) dan sumpah atas yang engkar (*al Mudda'a'alaih*).
- S.73 (1) Sesiapa berkehendak Mahkamah membuat hukuman tentang apa-apa jua hak atau tanggungan di sisi undang-undang dengan bergantung atas adanya nyataan yang ditegakkan olehnya mestilah membuktikan bahawa nyataan itu adalah.  
 (2) Apabila seseorang terpaksa membuktikan ada sesuatu nyataan, maka adalah dikatakan bahawa beban membuktikan adalah terletak atas orang itu.

### Misalan

Ada pihak pendakwa berkehendak Mahkamah memberi hukuman supaya B dihukum kerana jenayah yang A kata telah dilakukan oleh B.

Pihak Pendakwa mestilah membuktikan bahawa B telah melakukan jenayah itu.

- S.74 Beban membuktikan di dalam sesuatu guaman atau pembicaraan adalah terletak atas orang yang akan tidak berjaya sekiranya tiada apa-apa keterangan juapun diberi oleh mana-mana pihak.
- S.75 Beban membuktikan sesuatu nyataan yang tertentu adalah terletak atas orang yang berkehendakkan Mahkamah mempercayai adanya nyataan

itu, melainkan jika ada diperuntukkan oleh mana-mana undang-undang bahawa bukti mengenai nyataan itu hendaklah terletak atas mana-mana orang tertentu.

### Misalan

A berkehendakkan Mahkamah mempercayai bahawa pada masa yang berkenaan itu ia berada di suatu tempat lain. Ia mestilah membuktikannya.

- S.76 Beban membuktikan sesuatu nyataan yang perlu dibuktikan membolehkan seseorang memberi keterangan mengenai sesuatu nyataan lain adalah terletak atas orang yang hendak memberi keterangan itu.

### Misalan

- (a) A hendak membuktikan suatu akuan yang dibuat oleh B semasa B *marad al-maut*. A mestilah membuktikan *marad al-maut* dan kematian B.
- (b) A hendak membuktikan dengan jalan keterangan tak asal tentang kandungan suatu suratan yang telah hilang.

A mestilah membuktikan bahawa suratan itu telah hilang.

- S.77 Apabila seseorang dituduh atas sesuatu kesalahan, maka beban membuktikan adanya hal keadaan yang membawa kes itu termasuk di dalam kecualian am di dalam mana-mana undang-undang atau di dalam mana-mana kecualian khas atau syarat yang terkandung dalam mana-mana bahagian undang-undang itu adalah terletak atasnya, dan Mahkamah hendaklah menganggapkan hal keadaan yang tersebut itu sebagai tidak ada.

### Misalan

- (a) A dituduh bersekedudukan dengan B. Pendakwa membawa keterangan bahawa A telahpun menceraikan B isterinya.

A mendakwa bahawa ia terpaksa menceraikan isterinya. Beban membuktikan bahawa ia dipaksa itu terletak atasnya.

- (b) C dituduh melakukan persetubuhan secara haram dengan D. C mendakwa bahawa ia telah bernikah dengan D di negara asing.

Beban membuktikan pernikahan itu terletak di atasnya.

- S.78 Apabila sesuatu nyataan adalah khasnya diketahui oleh seseorang maka beban bagi membuktikan nyataan itu terletak atasnya.

### Misalan

Apabila seseorang melakukan sesuatu perbuatan dengan sesuatu niat yang lain daripada niat yang boleh difaham daripada hak keadaan perbuatan itu, maka beban membuktikan niat itu adalah terletak atasnya.

- S.79 Tertakluk kepada mana-mana peruntukan undang-undang bertulis lain, apabila soalnya ialah sama ada seseorang masih hidup atau telah mati dan keterangan ada ditunjukkan bahawa orang itu masih hidup dalam masa tiga puluh tahun dahulunya, maka beban membuktikan bahawa ia telah mati adalah terletak atas orang yang mendakwa demikian itu.
- S.80 Tertakluk kepada Hukum Syarak dan mana-mana peruntukan undang-undang bertulis lain, apabila soalnya ialah sama ada seseorang masih hidup atau telah mati dan ada dibuktikan bahawa tiada apa-apa khabar telah didengar empat tahun dari masa ia hilang oleh orang-orang yang sepatutnya mendengar khabarnya sekiranya ia masih hidup, maka beban membuktikan bahawa ia masih hidup adalah terpindah kepada orang yang mendawa demikian.
- S.81 Apabila soalnya ialah sama ada seseorang tuanpunya bagi apa-apa benda yang ditunjukkan sebagai ada di dalam miliknya, maka beban membuktikan bahawa ia bukanlah tuanpunyanya adalah terletak atas orang yang membuat pengakuan bahawa ia bukanlah tuanpunyanya.
- S.82 Mahkamah bolehlah menganggap ada apa-apa nyataan yang difikirkan telah berlaku, setelah menimbangkan peristiwa tabii yang biasanya berlaku, kelakuan manusia, dan urusan awam dan peribadi dalam perhubungannya dengan nyataan bagi sesuatu hal yang tertentu.

Huraian 1 - Perjalanan kehakiman dan pentadbiran telah dilaksanakan mengikut peraturan.

Huraian 2 - Perjalanan biasa di dalam sesuatu urusan telah dibuktikan. .lm1

Peruntukan-peruntukan di atas tadi adalah sebagai satu anggapan undang-undang, oleh kerana akta ini tertakluk kepada hukum syara' dengan sendirinya ianya tidak bertentangan dengan hukum syara' dan jika bertentangan ianya terbatal dengan sendirinya setakat mana ianya bertentangan. Setelah saya meneliti, saya berkeyakinan yang ianya tidak bertentangan dengan hukum syara' malahan sesuai dengan prinsip dan kaedah-kaedah yang saya perturunkan tadi. Peruntukan-peruntukan tadi adalah

penting di dalam pengendalian sesuatu perbicaraan.

### Berat Beban Membuktii

Yang dimaksudkan dengan “berat beban membuktii” ialah sekadar manakah sesuatu keterangan itu diperlukan untuk membolehkan disabit sesuatu kesalahan. Dalam ertikata yang lain dapat dijelaskan bahawa “berat beban membuktii” membicarakan mengenai berapa banyakkah keterangan yang mesti dikemukakan terhadap sesuatu kes yang dikemukakan atau setakat mana “tahap pembuktian” yang diperlukan untuk mensabitkan sesuatu kes di dalam Islam.

### Yakin

Mensabitkan sesuatu perkara atau kes, bermakna mengemukakan keterangan dan memberikan bukti hingga sampai ke tahap yakin. Keyakinan ini pula adalah sabit melalui penglihatan atau keterangan dan dalil. Pada asalnya, keyakinan tidak boleh dihapuskan melainkan dengan keyakinan jua. Selepas tahap keyakinan ini ialah tahap “tidak pasti” ianya terbahagi kepada tiga jenis iaitu dzan, syak dan waham.<sup>10</sup>

Seperti yang kita maklumi, seseorang itu tidak bersalah melainkan setelah dibuktikan yang ianya adalah bersalah, kerana menjadi keyakinan yang ianya adalah tidak bersalah berdasarkan kaedah fiqh yang menyatakan pada asalnya seseorang itu adalah bebas dari sebarang tanggungan<sup>11</sup> melainkan setelah dibuktikan dengan keyakinan yang lain yang ianya adalah bersalah maka barulah terbukti yang ianya bersalah, kerana keyakinan tidak boleh dihilangkan dengan syak. Kaedah fiqh menegaskan, yakin tidak boleh dihilangkan oleh syak,<sup>12</sup> kerana yakin hanya boleh dihilangkan dengan keyakinan yang lain.<sup>13</sup>

Ini bermakna, tahap tertinggi pembuktian ialah sampai kepada yakin seperti untuk mensabitkan kes-kes hudud, kerana berpegang kepada hadith yang memerintahkan agar hukuman hudud dielakkan dari sebarang keraguan.

### Dzan

Dzan bermaksud, sangkaan atau di dalam keadaan tidak pasti tetapi lebih mirip kepada benar. Tahap ini tidak cukup untuk mensabit sesuatu kes. Dzan adalah lawan kepada yakin.<sup>14</sup> Ini berdasarkan firman Allah yang bermaksud:

لَنِّ الْكُلُّ لَا يَعْلَمُ مِنَ الْحَقِّ شَيْئًا

“Sesungguhnya dzan (sangkaan) itu tidak dapat memenuhi kehendak menentukan sesuatu dari kebenaran”

(Yunus: 36)

Ayat ini menjelaskan bahawa dzan tidak boleh menentukan kebenaran. Tambahan pula jika telah jelas kemelesetan dan salahnya. Ini disebut di dalam *Al-*

*Ashbah Wa Al-Nazair dan Majallah Ahkam:*

### لا عبرة للظن البين خطأه

*“Tidak diiktibar (diambil kira) sangkaan yang jelas salahnya.”<sup>15</sup>*

Kaedah ini menjelaskan bahawa dzan yang jelas salahnya tidak menepati kebenaran dan menyimpang darinya, hendaklah ditinggalkan dan tidak boleh diambil kira. Surah *Yunus* pula menjelaskan dzan tidak dapat menentu atau memastikan kebenaran. Ini adalah secara umum. Namun demikian di dalam beberapa keadaan dzan mungkin boleh membantu mencapai kebenaran walaupun ianya tidak dapat mempastikannya. Ini dapat difahami dari firman Allah:

### يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اجْتَبِرُوا كَثِيرًا مِّنَ الظُّنُونِ إِنَّ بَعْضَ الظُّنُونِ إِثْمٌ

*“Wahai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakannya dari sangkaan, kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan (dzan) itu adalah dosa.”*

*(al-Hujurat: 12)*

Berdasarkan kenyataan bahawa ada kalanya dzan ini menepati kebenaran maka dzan yang sampai ke tahap *Al-Dzan al-Ghalib* atau “berat sangka” adalah diterima di dalam keterangan dan pembuktian dan ianya mengambil tempat yakin semasa gagal untuk sampai ke tahap yakin. Sebagai contoh jika sebuah kapal telah karam di tengah lautan, maka bolehlah dihukumkan penumpang-penumpang kapal tersebut sebagai telah mati berdasarkan berat sangka atau *al-dzan al-Ghalib*.<sup>16</sup>

Jika diperhatikan kenyataan di atas tadi, bolehlah dikatakan bahawa bukanlah semua kes dikehendaki untuk dibuktikan sehingga ke tahap yakin dan tanpa sebarang keraguan. Jika boleh dibuktikan ke tahap yakin maka ianya adalah lebih baik, tetapi jika tidak maka ditahap *ghalabah al-dzan* pun sudah mencukupi.

Jika kita meneliti pendapat ulama dengan lebih lanjut lagi mengenai peranan qarinah di dalam pembuktian ternyata kepada kita bahawa setiap kes yang dibuktikan secara qarinah tidaklah sampai ke tahap yakin. Adakalanya qarinah itu terlalu kuat hampir kepada yakin terkenal dengan *qarinah dzahirah*, atau *qawiyyah*. Ini dikehendaki di dalam kes-kes berat seperti di dalam kes-kes, minum arak, zina, curi dan pembunuhan, menurut pendapat sebahagian dari ulama yang berpendapat bahawa kes-kes hudud dan qisas boleh dibuktikan dengan qarinah. Adajuga kes-kes yang hanya memerlukan *ghalabah dzan* sahaja seperti di dalam kes-kes kecil yang mana pembuktianya boleh dilakukan melalui qarinah.

### Syak

Syak ialah sangkaan atau keadaan tidak pasti di antara sabit atau tidak sabit, persamaan kemungkinan di antara benar dengan salah atau tidak dapat untuk dipilih

di antara dua kerana persamaan tahap kemungkinannya.<sup>17</sup>

Kaedah fiqh menegaskan:

الْيَقِينُ لَا يُرْفَعُ بِالشُّكُوكِ

“Yakin tidak terangkat melalui syak”<sup>18</sup>

Ini bermakna keyakinan tidak boleh dikalah atau diketepikan oleh syak, kerana yakin adalah satu tahap yang tinggi sedangkan syak adalah satu tahap yang rendah, iaitu tahap kemungkinan. Oleh yang demikian kemungkinan tidak boleh mengenepikan atau mengalahkan keyakinan.

Kaedah fiqh menegaskan:

الْيَقِينُ لَا يُنْزَلُ بِالشُّكُوكِ

“Yakin tidak boleh dihilangkan oleh syak”<sup>19</sup>

Kaedah ini adalah penting sebagai asas bagi menentukan tahap atau berat beban bukti yang diperlukan di dalam sesuatu kes.

### Waham

Waham ialah sangkaan atau keadaan tidak pasti yang lebih mirip kepada salah, ianya lawan kepada dzan. Waham tidak harus diambil kira dan hendaklah ditolak. Ini bermakna waham tidak boleh dijadikan asas pensabitan.

Kaedah fiqh menegaskan:

لَا عَبْرَةُ لِلْتَّوْهِمِ

“Waham tidak diambil kira (diiktibar)”<sup>20</sup>

Termasuk di dalam kategori waham ini ialah “kemungkinan semata-mata” tanpa alasan atau keterangan. Kemungkinan seperti ini adalah ditolak dan tidak boleh diambil kira di dalam pensabitan. Kerana, jika kemungkinan tersebut mempunyai alasan atau dalil maka ianya bukan lagi merupakan “kemungkinan semata-mata”. Dalam keadaan ini ianya boleh diambil kira.

Kaedah fiqh menegaskan:

لَا حِجَةٌ مَعَ احْتِمَالِ النَّاثِئِ عَنْ دَلِيلٍ

“Tiada menjadi hujjah (keterangan) dengan adanya kemungkinan yang lahir dari dalil (alasan yang kuat).”<sup>21</sup>

Majallah Ahkam, Perkara: 73

Ini bermakna, sesuatu hujjah untuk memperkuuh keputusan adalah diketepikan atau tidak diambil kira dengan adanya kemungkinan yang lahir dari dalil atau sebab yang kuat yang menyebabkan boleh ditolak atau diketepikan keputusan berdasarkan hujjah tersebut. Sebagai contoh, jika seseorang beriqrar bahawa ianya berhutang kepada salah seorang warisnya, jika iqrar ini dilakukan semasa ia sedang sakit *marad al-maut* maka iqrarnya, yang sepatutnya diterima sebagai hujjah. Kerana iqrar adalah hujjah, adalah tidak sah selama mana ianya tidak diakui oleh waris-waris yang lain, kerana ada kemungkinan yang *marad al-maut* yang membuat iqrar tersebut melakukannya dengan tujuan mengharamkan atau menafikan hak waris-waris lain terhadap harta tersebut, kemungkinan ini adalah dalil atau alasan yang kuat untuk mengenepekan iqrar, iaitu iqrar yang dibuat semasa "marad maut". Tetapi jika iqrar tersebut dibuat semasa sihat maka ianya sah.

Di dalam keadaan *marad al-maut*, iqrar tersebut tidak menjadi hujjah kerana adanya kemungkinan yang diperkuat dengan dalil. Di dalam keadaan kedua ianya diterima dan sah, kerana kemungkinan itu hanyalah kemungkinan semata-mata dengan itu ianya tidak boleh mengatasi iqrar sebagai bukti.<sup>22</sup>

Dari keterangan di atas, adalah jelas bahawa kemungkinan boleh dibahagikan kepada dua jenis:

**Pertama :** Kemungkinan semata-mata. Ianya tidak lahir atau diperkuat dengan keterangan dan bukti. Kemungkinan jenis ini adalah termasuk di dalam kategori waham, ianya hendaklah ditolak.

**Kedua :** Kemungkinan yang lahir atau diperkuat dengan keterangan dan bukti. Kemungkinan jenis ini boleh diterima. Malahan ada kalanya diutamakan di atas keterangan dan bukti yang lain.

### Ulasan

Dari keterangan di atas, adalah jelas, bahawa beban bukti adalah di atas yang mendakwa atau menuntut, "berat beban bukti" atau tahap pembuktian pula adakalanya sampai ke tahap yang paling berat iaitu "yakin", adakalanya memadai ditahap *ghalabah al-dzan* (berat sangka), kemungkinan yang diperkuat dengan bukti dan hujjah juga diterima, walau bagaimanapun syak dan waham tidak diambil kira, dan hendaklah ditolak.

Di dalam kesalahan hudud, seseorang tidak boleh disabitkan kesalahannya melainkan setelah keterangan yang kuat sampai ke peringkat tidak menimbulkan sesuatu keraguan (*shubhah*) tentang kebenaran dakwaan tersebut dapat dibuktikan kerana kesalahan hudud ditolak dengan adanya *shubhah*. Ini didasarkan kepada hadith Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

*"Tolaklah kesalahan-kesalahan hudud dengan sebab adanya sesuatu keraguan (shubhah).<sup>23</sup>*

Kesalahan hudud ialah, zina, tuduhan zina tanpa bukti, mencuri, minum arak, murtad dan merompak. Walaupun kebanyakan ulama mengatakan bahawa berat

beban bukti di dalam kes-kes hudud ini adalah tinggi iaitu ke tahap yakin dan shubhah hendaklah dihindarkan tetapi mereka bersalahan pendapat dari segi cara-cara pembuktianya. Ada yang mengatakan hanya melalui iqrar dan shahadah, tetapi ada juga yang mengatakan boleh melalui qarinah, jika ianya melalui qarinah maka sudah pasti ianya tidak akan sampai ke tahap tanpa sebarang keraguan.

### Kesimpulan

Dari perbincangan di atas adalah jelas bahawa kebanyakan ulama berpendapat di dalam kes-kes hudud tahap pembuktian yang dikehendaki adalah tinggi, hingga sampai ke tahap yakin tanpa adanya sebarang keraguan. Ini bermakna pensabitan kes-kes hudud tidak boleh dilakukan melalui qarinah.

Di dalam kes-kes qisas pula tahap pembuktian tidak dikehendaki hingga sampai ke tahap yakin tanpa adanya sebarang keraguan, memadailah ke tahap *ghalabah al-dzani*, yang hampir kepada yakin. Ini kerana kes-kes qisas boleh disabitkan melalui *qarinah dzahirah*.

Di dalam kes-kes lain memadailah ditahap *ghalabah al-dzan*, tetapi bagi kes-kes ta'zir yang dikenakan hukuman berat seperti penjara seumur hidup atau bunuh. Saya percaya, demi mempertahankan keadilan tahap pembuktianya hendaklah sampai ke tahap *ghalabah al-dzan* yang hampir kepada yakin.

Sebenarnya perbezaan pendapat ulama di bidang ini memperkayakan lagi khazanah ilmu pengetahuan undang-undang, terutama undang-undang keterangan Islam.

### Nota Kaki

1. Muhammad bin Ismail al-Kahlani, *Subul al-Salam*, Matab'ah Mustafa al-Halabi, Jld. 4, hal:132, Mesir, 1960.
2. Majallah al-Akham al-'Adliyah, Perkara: 76
3. Jalaluddin Abdul Rahman al-Sayuti, *al-Ashbah wa al-Nazair*, Matba'ah Isa al-Babi al-halabi, Mesir, hal.63.
4. Al-Sayuti, *op.cit.*, hal. 65.
5. *Majallah Ahkam*, Perkara: 9.
6. *Ibid.*
7. *Al-Sayuti*, hal. 65.
8. *Majallah Ahkam*, Perkara: 5.
9. *Majallah Ahkam*, Perkara: 10.
10. Subhi Mahmasani, *Falsafah al-Tashrie Fi al-Islam*, edisi 2, Dar al-Al-Kaskaf, Beirut, 1952, hal.224.
11. *Majallah Ahkam*, Perkara: 8.
12. *Majallah Ahkam*, Perkara: 4.
13. Al-Sayuti *op.cit.*, hal.61.
14. Subhi Mahmasani, *op.cit.*, hal.224.
15. *Majallah Ahkam*, Perkara: 77.
16. Subhi Mahmasani, *op.cit.*, hal.224.
17. Subhi Mahmasani, *op.cit.*, hal.224.
18. *Ibid*, hal.224.
19. *Majallah Ahkam*, Perkara: 4.
20. *Majallah Ahkam*, Perkara: 74.
21. *Majallah Ahkam*, Perkara: 73.
22. Subhi Mahmasani, *op.cit.*, hal. 225.
23. Al-Shawkani, Muhammad bin Ali bin Muhammad, *Nail Al-Awtar*, Jld. 7, cet. 3, Mustafa al-Babi al-Halabi, Mesir, 1380H./1961M., hal. 110.